

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 4/8/2008

Usahawan bumiputera perlu bijak urus kewangan – Dr. M

um - 4/8/2008

Oleh NORILA DAUD

KUALA LUMPUR 3 Ogos – Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad menasihatkan usahawan bumiputera agar bijak menguruskan kewangan dengan tidak menggunakan keuntungan dalam perniagaan francais untuk membuka perniagaan lain.

Beliau berkata, terdapat sesetengah pemegang francais stesen minyak bumiputera menggunakan keuntungan yang diperolehi untuk menjalankan perniagaan lain.

“Mereka tidak membayar hutang kepada syarikat-syarikat minyak, sebaliknya menggunakan wang tunai yang diperolehi untuk membuka perniagaan lain.

“Usahawan dalam bidang francais sepatutnya mengikuti bimbingan dan sistem pengurusan yang ditetapkan francaisor kerana tiada jalan pendek untuk mencapai kejayaan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sesi dialog selepas menyampaikan ucap tama *Dunia Tanpa Francais* pada Persidangan Francais Antarabangsa Malaysia 2008, di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini hari ini.

Dr. Mahathir memberi reaksi kepada soalan sama ada perniagaan francais sukar dilakukan oleh bumiputera berbanding kaum lain.

Menurutnya, agak sukar bagi bumiputera untuk terlibat dalam bidang francais kerana budaya perniagaan itu tidak ‘kuat’ di kalangan mereka.

Bagaimanapun, beliau yakin mereka boleh berjaya dengan syarat memiliki sikap yang betul, sabar dan mengikuti semua

garis panduan yang diberikan.

“Tiada jalan singkat untuk mencapai kejayaan melainkan menerusi kesabaran, membuat kajian dan persediaan dengan teliti sebelum memilih perniagaan francais yang tepat,” ujarnya.

Beliau juga tidak menafikan jumlah penyertaan usahawan bumiputera dalam bidang perniagaan francais semakin meningkat.

Malah, tambah beliau, terdapat segelintir daripada mereka berjaya membuka lebih daripada satu cawangan meskipun ada juga yang gagal.

Menjawab soalan seorang peserta berhubung potensi pendidikan Islam untuk difrancaiskan di dalam negara, Mahathir berkata, ia boleh dilakukan asalkan tidak dikaitkan dengan agenda politik semasa.

Selain itu, katanya, umat Islam perlu menjadikan al-Quran sebagai pedoman kerana ia banyak memberi bimbingan cara-cara untuk menjadi umat yang baik dan cara mengadili keadaan.

Beliau memberitahu, umat Islam pada masa ini banyak yang tersalah tafsir mengenai ajaran agama suci itu yang membawa kepada perselisihan faham dan perpecahan termasuk di kalangan pengikut ajaran Imam Shafie dan puak Syiah.

DR. Mahathir Mohamad meluangkan masa di gerai Sate Ria sempena Persidangan Francais Antarabangsa Malaysia 2008, di PWTC, Kuala Lumpur, semalam.

